

26 NOV 1997

M'SIA MAINKAN PERANAN PENTING DALAM CADANGAN DAGANGAN MATA WANG

Oleh: Salmly Hashim

VANCOUVER, 26 Nov (Bernama)-- Malaysia akan memainkan peranan penting dalam merangka cadangan Apec mengenai dagangan mata wang untuk diusulkan kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi pertimbangan dalam mesyuarat Bank Dunia/IMF sementara di Washington awal tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari Selasa.

Perdana Menteri berkata selesainya Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Apec Kelima kelak, Malaysia akan mengemukakan banyak idea dalam cadangan berkenaan yang akan termasuk kawal selia dagangan mata wang.

"Sepatutnya terdapat badan kawal selia untuk mengawasi dagangan mata wang dan peniaga-peniaga mestilah didaftarkan serta diwajibkan membayar yuran keanggotaan," katanya kepada para wartawan di Pusat Dagangan Vancouver.

Dr Mahathir berkata Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada tiga mesyuarat bermula dari 1-3 Dis, 1997, untuk membincangkan masalah kewangan Asia. Bermula dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asean, diikuti oleh Asean tambah enam (Korea Selatan, Jepun, Amerika Syarikat, Hong Kong, China dan Australia), dan Kumpulan 15 negara membangun atau mesyuarat menteri-menteri kewangan G-15.

Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, telah dijemput menghadiri dua mesyuarat pertama itu.

Beliau berkata cadangan itu akan menggesa lebih banyak ketelusan dalam dagangan mata wang.

Dr Mahathir berkata beliau sangat berpuas hati dengan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) yang diadakan selama dua hari di sini, di mana ia lebih menumpukan kepada pergolakan kewangan di negara-negara Asia yang menyaksikan penyusutan nilai mata wang serantau serta kejatuhan menjunam dalam pasaran saham.

"Saya diberi peluang secukupnya untuk mengusulkan pendapat Malaysia mengenai penurunan nilai mata wang dan saya mendapati hampir semua negara-negara Asean menyokong pendirian Malaysia dan ingin melihat semakan dalam dagangan mata wang di ekonomi negara-negara membangun," katanya.

"Malahan, mereka juga menyokong langkah-langkah yang diambil oleh IMF untuk menyemak masalah yang dihadapi oleh negara membangun berikutan serangan oleh peniaga mata wang," tambahnya.

Beliau berkata kebanyakan ketua Asean memberikan pendapat mereka mengenai krisis kewangan itu dan bagaimana ia menjejaskan negara masing-masing.

"Saya tidak bersuara bersendirian. Setiap negara di Asia Tenggara menggesa keperluan untuk mengawasi dan mengkaji bagaimana dagangan mata wang boleh dikawal selia," katanya.

Beliau berkata rakan-rakan sejawatan Apec semuanya menyokong kajian yang sedang dijalankan oleh IMF mengenai bagaimana dagangan mata wang memberi kesan membinasakan kepada negara-negara.

Menurutnya beliau gembira Amerika Syarikat dan tuan rumah Kanada tidak mengeneipkan pandangannya dalam sidang kemuncak itu.

Apabila ditanya jika keadaan kesulitan sudah berakhir bagi Malaysia, Dr. Mahathir mengulangi, "Saya tidak boleh menyatakan ia sudah berakhir...ia mungkin akan pulih, tetapi mereka (peniaga mata wang) akan kembali semula dan sekali lagi meninggalkan kesan menyakitkan kepada ekonomi...Malaysia mengambil masa dua dekad untuk membina pendapatan per kapita daripada AS\$3,000 kepada US\$5,000 ... ia mungkin mengambil masa yang

lama untuk mencapai tahap itu semula.

Mengenai persidangan global Perubahan Iklim di Kyoto, Dr Mahathir berkata negara-negara membangun tidak seharusnya dipaksa membuat komitmen drastik untuk mengurangkan pancaran gas yang boleh membantutkan pertumbuhan negara.

Beliau berkata Malaysia mesti berusaha gigih untuk merendahkan tahap pancaran gas kerana jika dibiarkan tanpa kawalan akan membawa kepada peningkatan dalam suhu dunia.

Bagaimanapun, jika Malaysia diminta memilih antara minyak bahan bakar dengan kuasa hidroelektrik, Malaysia akan memilih yang kedua kerana ia lebih bersih, tambahnya

Dr Mahathir akan berlepas ke Tokyo Rabu ini bagi lawatan sambil bekerja di mana beliau akan berucap di persidangan untuk para pemimpin industri Jepun. -- BERNAMA

SH ZK MA